

Bab 1

Ekonomi Malaysia



Ekonomi Malaysia pada Tahun 2007	8
Ekonomi Malaysia pada Tahun 2008	13



Asas ekonomi Malaysia terus kukuh pada tahun 2008. Meskipun pertumbuhan pada awal tahun kukuh, ekonomi dijangka mengalami sedikit penyederhanaan. Penggunaan swasta dan aktiviti pelaburan dijangka terus berkembang dan diperkukuh oleh aktiviti perbelanjaan awam. Kesemua sektor ekonomi dijangka terus mencatat pertumbuhan yang positif.

1. Ekonomi Malaysia pada Tahun 2007

Pada tahun 2007, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) benar berkembang 6.3%, dipacu terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang kukuh meskipun persekitaran luaran lebih lembap. Pertumbuhan lebih kukuh yang dicapai mencerminkan pengukuhan asas makroekonomi negara dan manfaat daripada asas ekonomi yang lebih pelbagai. Sementara sumbangan sektor perkilangan terus kukuh, sektor perkhidmatan telah menjadi peneraju utama pertumbuhan sepanjang tahun, disokong oleh bidang pertumbuhan baharu dan aktiviti permintaan dalam negeri.

Permintaan dalam negeri agregat mencatat pertumbuhan yang teguh sebanyak 9.8%, didorong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta. Penggunaan swasta meningkat pada kadar yang lebih pantas sebanyak 10.8% pada tahun 2007. Peningkatan perbelanjaan swasta ini disumbang oleh peningkatan pendapatan boleh guna yang mapan hasil daripada keadaan guna tenaga yang stabil dan harga komoditi yang tinggi. Faktor ini memberikan manfaat kepada isi rumah di luar bandar dan di bandar. Pada tahun itu, kadar faedah yang rendah dan akses kepada kemudahan kredit juga menyokong perbelanjaan isi rumah. Nisbah hutang isi rumah kepada aset kewangan kekal rendah, manakala nisbah pinjaman tak berbayar bagi pinjaman isi rumah menurun.

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (pada harga tahun asas 2000)

	2006	2007
	Perubahan Tahunan (%)	
Permintaan Dalam Negeri ¹	7.0	10.5
Perbelanjaan sektor swasta	7.0	11.8
Penggunaan	7.1	11.7
Pelaburan	7.0	12.3
Perbelanjaan sektor awam	6.8	7.2
Penggunaan	5.0	6.4
Pelaburan	8.9	8.0
Eksport barang dan perkhidmatan bersih	0.1	0.9
Eksport	7.4	3.7
Import	8.6	4.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar	5.9	6.3

¹Tidak termasuk stok

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pelaburan swasta mencatat pertumbuhan yang tinggi sebanyak 9.8%, dirangsang oleh perbelanjaan modal yang kukuh dalam sektor-sektor berikut:

- Perbelanjaan modal untuk jentera dan peralatan baharu dalam sektor perkilangan yang berterusan disebabkan tahap penggunaan kapasiti yang tinggi;
- Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan dalam subsektor pengangkutan dan komunikasi meningkat disebabkan terutamanya oleh pengembangan kemudahan pengangkutan udara dan peningkatan rangkaian telekomunikasi; dan

- Dalam sektor minyak dan gas, perbelanjaan modal didorong oleh aktiviti hulu yang teguh dan aktiviti pencarian dan pengeluaran telaga minyak laut dalam yang pesat.

Pelaburan swasta memperoleh rangsangan tambahan daripada keadaan kewangan korporat yang kukuh disebabkan oleh perolehan korporat yang menggalakkan yang membolehkan syarikat-syarikat membiayai sebahagian besar perbelanjaan modal dengan menggunakan sumber dalaman, selain terus memperoleh manfaat daripada keadaan pembiayaan yang kompetitif.

Kerajaan terus memainkan peranan penting dalam menyokong aktiviti sektor swasta. Penggunaan awam meningkat 6.6% disebabkan oleh pertumbuhan emolumen yang kukuh dan perbelanjaan yang tinggi terhadap perbekalan dan perkhidmatan untuk mengekalkan dan menambah baik sistem penyampaian awam. Pelaburan awam kekal tinggi pada 9.3% dengan perbelanjaan besar disalurkan kepada projek untuk mempertingkatkan keupayaan sektor ekonomi, sektor perkhidmatan sosial dan mengurangkan jurang perbezaan antara bandar-luar bandar dan serantau.

Dari segi sektor, pertumbuhan adalah menyeluruh pada tahun 2007, mencerminkan pengembangan dalam kesemua sektor ekonomi. Sektor perkhidmatan, pembinaan dan perlombongan menunjukkan prestasi yang kukuh sepanjang tahun.

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (pada harga tahun asas 2000)

	2006	2007
	Perubahan Tahunan (%)	
Pertanian	5.2	2.2
Perlombongan & Kuari	-0.4	3.2
Perkilangan	7.1	3.1
Pembinaan	-0.5	4.6
Perkhidmatan	7.2	9.7
Keluaran Dalam Negeri Kasar Benar	5.9	6.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Sektor perkhidmatan berkembang 9.7%, disokong terutamanya oleh sektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; kewangan dan insurans; komunikasi; dan subsektor perniagaan borong dan runcit. Tambahan lagi, sumbangan daripada bidang pertumbuhan baharu dalam segmen perkhidmatan perniagaan, termasuk telekomunikasi, kewangan Islam, perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga dan perkhidmatan IT.

Nilai ditambah dalam sektor perkilangan berkembang 3.1%, disokong oleh pertumbuhan dalam industri berorientasikan dalam negeri dan industri berasaskan sumber terpilih. Sektor pembinaan kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 4.6%, didorong terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam. Sektor perlombongan juga mencatat pertumbuhan positif sebanyak 3.3% disebabkan oleh pengeluaran minyak dan gas yang lebih tinggi.

Harga

Kadar inflasi purata tahunan keseluruhan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat 2% pada tahun 2007. Penyumbang utama kepada inflasi ialah kenaikan harga dalam kategori makanan dan minuman tidak beralkohol. Harga makanan dalam negeri sebahagian besarnya mendapat kesan daripada harga komoditi makanan global yang lebih tinggi yang dipengaruhi oleh faktor struktur dan kitaran. Walau bagaimanapun, jangkaan inflasi secara keseluruhannya dapat dibendung dengan baik sepanjang tahun. Penambahan nilai kadar pertukaran ringgit pada tahun itu juga telah mengurangkan sebahagian tekanan inflasi melalui pengurangan kos import.


Impak harga komoditi global yang lebih tinggi adalah lebih nyata dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPG), yang meningkat 6.7% pada tahun 2007. Komponen komoditi dalam IHPG merupakan penyumbang utama bagi peningkatan ini berikutan kenaikan harga dunia yang lebih tinggi bagi komoditi seperti minyak mentah, getah dan minyak sawit mentah.

Inflasi dan Pengangguran (%)

	2006	2007
Inflasi	Perubahan Tahunan (%)	
Indeks Harga Pengguna (2005=100)	3.6	2.0
Indeks Harga Pengguna Teras ¹	2.1	1.8
Indeks Harga Pengeluar (2000=100)	5.1	6.7
Pengangguran	3.3	3.3

¹Tidak termasuk barangan harga terkawal dan barangan harga turun naik dan yang tertakluk kepada pelarasan harga sekali sahaja
Sumber: Bank Negara Malaysia

Harga Dunia Indeks untuk Komoditi Terpilih



Pekerjaan

Pada tahun 2007, pasaran pekerja dalam negeri terus kukuh berikutan permintaan terhadap pekerja yang meningkat pada tahun itu dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang lebih pantas.

- Kadar pengangguran kekal rendah pada paras 3.3% daripada jumlah tenaga kerja;
- Jumlah guna tenaga berkembang 2.1%, mengatasi pertumbuhan dalam tenaga kerja;
- Jumlah pemberhentian pekerja yang bermula dari tahun 2001 terus menurun, berkurang kepada 14,035 orang; dan
- Trend kekosongan jawatan juga menunjukkan keadaan guna tenaga yang positif, seperti dicerminkan menerusi bilangan besar kekosongan jawatan aktif yang dilaporkan dan pencari kerja aktif yang didaftarkan melalui Bursa Buruh Elektronik.

Pewujudan peluang pekerjaan bagi kesemua sektor utama adalah positif dengan kadar pertumbuhan guna tenaga tertinggi dalam sektor perkhidmatan. Yang nyata, tenaga pekerja dalam sektor pembinaan berkembang sejajar dengan pemulihan dalam sektor tersebut. Walau bagaimanapun, penyederhanaan dalam aktiviti perkilangan menyebabkan aktiviti pengambilan pekerja yang lebih perlahan dan pewujudan peluang pekerjaan yang lebih kecil.

Pengembangan aktiviti ekonomi dan permintaan terhadap pekerja yang lebih kukuh menyebabkan tekanan upah meningkat sedikit, dengan eksekutif dalam sektor swasta mendapat kenaikan gaji yang lebih tinggi (5.9%) berbanding dengan bukan eksekutif (5.6%). Kenaikan gaji purata yang lebih tinggi mencerminkan sebahagiannya dasar syarikat dalam memberikan ganjaran berdasarkan prestasi dan menggunakan gaji untuk menarik dan mengekalkan tenaga mahir. Walau bagaimanapun, penawaran tenaga mahir yang lebih rendah daripada tahap permintaannya mengakibatkan berlakunya kekurangan tenaga mahir. Kekurangan tenaga mahir lebih meruncing dalam bidang yang membabitkan pekerja berpengalaman dan profesional. Permintaan terhadap pekerja mahir telah bertambah dan dijangka kekal tinggi untuk jangka sederhana.

Produktiviti pekerja, seperti yang diukur oleh nilai ditambah benar setiap pekerja, mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 4.1%. Pertumbuhan produktiviti pekerja adalah positif dalam kesemua sektor dan yang paling tinggi adalah dalam sektor perkhidmatan, diikuti oleh sektor perlombongan dan pembinaan. Dalam sektor perkilangan, pertumbuhan produktiviti pekerja menjadi sederhana disebabkan prestasi jualan dan pengeluaran yang lebih lemah.

Imbangan Pembayaran

Kedudukan sektor luar Malaysia kukuh pada tahun 2007 disebabkan lebih akaun semasa yang lebih besar, manakala aliran keluar bersih dalam akaun kewangan adalah sederhana.

- Akaun semasa mencatat lebih yang lebih besar sebanyak RM100.4 bilion, bersamaan dengan 16% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK), berpunca daripada lebih perdagangan yang lebih besar dan akaun perkhidmatan dan pendapatan yang lebih baik;
- Eksport kasar meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 2.7% pada tahun 2007 disebabkan permintaan terhadap eksport barangan perkilangan yang lemah diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan yang kukuh dalam komoditi utama;
- Eksport komoditi utama, yang menjadi sumber penting perolehan pertukaran asing kepada negara, berkembang pada kadar dua angka untuk tahun kelima berturut-turut disebabkan oleh harga komoditi global yang lebih tinggi;
- Pertumbuhan eksport barangan perkilangan disokong terutamanya oleh prestasi industri berasaskan sumber terpilih yang menggalakkan;
- Import kasar berkembang 5%, mencerminkan terutamanya import barangan input bagi barangan perkilangan, dan permintaan yang lebih tinggi terhadap perbelanjaan pengguna dan modal;
- Akaun perkhidmatan mencatat lebih buat kali pertama disebabkan terutamanya oleh perolehan pelancongan dan pengangkutan yang lebih tinggi;
- Defisit akaun pendapatan yang lebih baik mencerminkan keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri yang lebih tinggi dan pulangan yang lebih tinggi daripada rizab luar negeri; dan
- Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM37.7 bilion disebabkan aliran keluar bersih pelaburan lain yang sederhana, manakala pelaburan langsung bersih ke luar negeri yang lebih besar oleh syarikat Malaysia diimbangi sebahagiannya oleh aliran masuk bersih pelaburan langsung asing dan pelaburan portfolio yang lebih tinggi.

Pelaburan langsung asing kasar terus meningkat kepada RM46.2 bilion, disokong terutamanya oleh aliran masuk modal ekuiti yang lebih tinggi untuk memperoleh kepentingan dalam syarikat Malaysia. Perkembangan ini mencerminkan keyakinan pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia, dan negara terus menjadi destinasi pelaburan yang menarik.

2. Ekonomi Malaysia pada Tahun 2008

Ekonomi Malaysia berhadapan dengan suasana yang lebih mencabar setelah mencatat pertumbuhan yang kukuh pada kadar purata 6% setahun untuk beberapa tahun berturut-turut. Ekonomi terus mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.1% pada suku pertama tahun 2008, dipacu oleh perbelanjaan penggunaan swasta dan awam yang meningkat manakala aktiviti pelaburan terus kukuh. Pertumbuhan terus disokong oleh sumbangan permintaan luar negeri yang kukuh, berikutan pertumbuhan eksport komoditi dan permintaan pasaran bukan Amerika Syarikat (AS) yang lebih menggalakkan.

Melangkah ke hadapan, ekonomi akan terus berkembang meskipun berhadapan dengan persekitaran yang lebih sukar dengan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan pasaran kewangan antarabangsa yang tidak menentu. Beberapa faktor dijangka dapat menyokong pertumbuhan dan ekonomi Malaysia untuk menghadapi persekitaran ini. Ini termasuk:

- Struktur ekonomi yang lebih pelbagai, dengan sumbangan kepada pertumbuhan yang meningkat daripada sektor perkhidmatan, pertanian dan komoditi dan industri berasaskan sumber dan yang didorong oleh pengetahuan;

Melangkah ke hadapan, ekonomi Malaysia akan terus berkembang meskipun berhadapan dengan persekitaran yang lebih sukar dengan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan pasaran kewangan antarabangsa yang tidak menentu

- Pasaran eksport dan produk Malaysia yang lebih pelbagai;
- Harga komoditi seperti minyak mentah, minyak sawit dan getah yang terus tinggi memberikan manfaat kepada Malaysia sebagai pengeluar komoditi;
- Asas sektor komoditi yang kukuh terus memperteguh hubungan dengan aktiviti hiliran dan industri berasaskan sumber yang terus mendapat manfaat daripada permintaan ekonomi serantau; dan
- Asas-asas makroekonomi yang teguh.

Meskipun momentum pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2007 sebahagian besarnya dapat dikekalkan pada awal tahun 2008, sedikit penyederhanaan dalam pertumbuhan dijangka pada separuh tahun kedua, berikutan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan. Walaupun penstrukturan semula subsidi pada bulan Jun tahun 2008 mungkin mengakibatkan sedikit penyederhanaan dalam pertumbuhan penggunaan swasta, serta kemerosotan dalam perbelanjaan budi bicara (*discretionary spending*), prestasi sektor komoditi yang lebih kukuh daripada jangkaan dan perbelanjaan Kerajaan yang meningkat kemungkinan dapat mengimbangi sebahagian daripada penyederhanaan ini. Selain itu, meskipun pelaburan dijangka menjadi sederhana pada tahun 2008 disebabkan oleh kos pengeluaran yang meningkat, ia dijangka terus mampan. Yang penting ialah prestasi perbelanjaan sektor awam, khususnya pelaburan awam, dan pelaksanaan projek-projek yang diumumkan pada tahun ini.

Dari segi sektor, kesemua sektor dijangka mencatat pertumbuhan positif. Sektor perkilangan akan terus mendapat manfaat daripada permintaan terhadap produk berdasarkan sumber dari negara serantau. Namun begitu, beberapa sektor termasuk sektor pembinaan mungkin terjejas akibat kenaikan kos pengeluaran dan permintaan luar negeri yang lebih lemah, khususnya terhadap pengeluaran elektrik dan elektronik (E & E). Sementara itu, sektor pertanian dan perlombongan dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada tahun 2008, disokong oleh pengeluaran minyak sawit, getah dan gas asli yang lebih tinggi.

Imbangan Pembayaran

Kedudukan imbalan pembayaran akan terus kukuh pada tahun 2008. Lebihan akaun semasa diunjurkan kekal tinggi, mencerminkan imbalan perdagangan yang terus tinggi dalam akaun barangan dan lebihan dalam akaun perkhidmatan. Eksport kasar akan disokong oleh pertumbuhan eksport komoditi dan barangan perkilangan berasaskan sumber yang kukuh disebabkan oleh harga komoditi antarabangsa yang lebih tinggi, yang sebahagiannya mengimbangi pertumbuhan yang lebih lemah dalam eksport E & E. Akaun perkhidmatan dijangka mencatatkan lebihan sekali lagi pada tahun 2008, disebabkan oleh perolehan sektor pelancongan yang lebih tinggi berikutan kempen Tahun Melawat Malaysia yang dilanjutkan sehingga akhir bulan Ogos tahun 2008. Aliran masuk pelaburan langsung asing dijangka kekal tinggi, sebahagian besarnya daripada perolehan tertahan oleh syarikat multinasional sedia ada yang beroperasi di Malaysia, dan aliran masuk modal ekuiti baharu. Pelaburan luar negara dijangka terus bertambah, mencerminkan minat berterusan syarikat Malaysia untuk mengembangkan dan mempelbagaikan operasi perniagaan di luar negeri dan menempatkan perniagaan mereka sebagai peserta serantau dan global.



Harga

Peningkatan tekanan inflasi akhir-akhir ini merupakan fenomena global akibat kenaikan harga tenaga dan komoditi. Di Malaysia, inflasi dalam negeri meningkat 3.8% pada bulan Mei 2008, terutamanya disebabkan oleh harga makanan yang lebih tinggi. Berdasarkan penilaian awal Bank Negara Malaysia tentang kesan perasionalan harga bahan api dan tenaga dalam negeri, inflasi dijangka terus meningkat dengan kadar purata 4.0% - 5.0% pada tahun 2008. Yang membimbangkan ialah kemungkinan kesan pusingan kedua kenaikan harga ini, dan sejauh mana kesannya terhadap kenaikan harga secara lebih meluas.

Memandangkan tekanan inflasi semasa merupakan phenomema global, banyak rakan dagangan dan negara jiran Malaysia juga mengalami kadar inflasi yang sama atau lebih tinggi. Berdasarkan fakta ini, peningkatan inflasi tidak mungkin dapat menghakiskan kelebihan berbanding Malaysia dalam perdagangan global.

Dasar Monetari pada tahun 2008

Dalam persekitaran yang tidak menentu ini, fokus dasar monetari pada tahun 2008 ialah mengekalkan pertumbuhan ekonomi di samping memastikan inflasi terus terkawal. Dalam merumuskan dasar monetari, Bank Negara Malaysia akan terus mengambil kira keadaan pada masa hadapan dan akan memberikan perhatian terhadap kesan perkembangan terkini terhadap pertumbuhan ekonomi dan inflasi. Bank Negara Malaysia sentiasa bersedia untuk membuat pelarasan dalam dasar monetari sekiranya prospek pertumbuhan atau inflasi berubah dan permasalahan ini memerlukan perubahan dalam dasar monetari.

Dasar monetari terutamanya adalah alat bagi pengurusan permintaan. Oleh itu, langkah dasar yang lain mungkin lebih sesuai untuk mengurangkan tekanan harga tolakan kos yang berpunca daripada peningkatan harga global bagi makanan dan komoditi, terutamanya jika ini berlaku akibat masalah struktur atau disebabkan oleh faktor yang didorong oleh bekalan.

Dasar Fiskal pada Tahun 2008

Bajet Tahun 2008 telah menggariskan langkah percukaian dan bukan percukaian yang lebih luas untuk mempertingkatkan daya saing negara, memperkukuh pembangunan modal insan dan memastikan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Bagi mempertingkatkan daya saing negara, rejim cukai progresif dan inisiatif untuk memperkukuh keberkesanan sistem penyampaian awam telah diperkenalkan. Ini termasuk:

- Pengurangan cukai pendapatan korporat dalam dua peringkat, kepada 26% bagi tahun taksiran 2008 dan kemudiannya kepada 25% pada tahun 2009;
- Memperkenalkan sistem percukaian satu tahap, iaitu keuntungan hanya dikenakan cukai pada peringkat syarikat dan dividen yang diperoleh dikecualikan daripada cukai;
- Insentif percukaian, pengecualian cukai pendapatan dan potongan cukai diberikan kepada peserta kewangan Islam terpilih untuk menggalakan sektor kewangan Islam dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa; dan
- Satu Pasukan Pertugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH) telah ditubuhkan bagi merangka langkah-langkah penambahbaikan sistem penyampaian awam.

Oleh itu, dasar fiskal pada tahun 2008 difokuskan pada usaha mempercepat pelaksanaan projek dan program yang dikenal pasti dalam RMKe-9. Dari segi perbelanjaan pembangunan, perhatian khusus diberikan pada kedua-dua sektor ekonomi dan sosial dalam usaha untuk menjana pertumbuhan ekonomi dengan nilai ditambah yang tinggi, memperkasakan pembangunan modal insan, dan menangani ketidakseimbangan sosioekonomi.

Ekonomi akan terus berkembang

Dengan persekitaran ekonomi global terus tidak menentu, pertumbuhan global keseluruhan akan terus perlahan pada masa hadapan. Dalam persekitaran ini, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang, disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan dan diperkukuh oleh pertumbuhan perdagangan antara rantau. Sektor PKS akan dapat terus berkembang melalui inovasi dan penyesuaian semula strategi perniagaan untuk meneroka pasaran dan bidang pertumbuhan baharu. Perekayasaan (*reengineering*) proses juga diperlukan untuk mengurus kos pengeluaran yang lebih tinggi dengan lebih baik. Yang penting bagi PKS ialah menggunakan kefleksibelan dan ketangkasan tersendiri untuk mencipta produk baharu dan mengorientasikan semula perniagaan mereka untuk meraih perolehan daripada perkembangan ini.